

10/01/1999

BBC sambut baik pelantikan Abdullah

san; Noor Jaafar; Rahman Hashim

KUALA LUMPUR: Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) menyokong penuh pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan Menteri Dalam Negeri yang baru.

Presidennya, Ruhanie Ahmad berkata, pelantikan itu penting bagi membantu Perdana Menteri dalam perjuangan mencemerlangkan bangsa dan negara.

Katanya, BBC percaya rombakan Kabinet diumumkan Perdana Menteri kelmarin adalah usaha tepat bagi memulihkan ekonomi negara, menaikkan martabat serta kesejahteraan ummah di samping memantapkan lagi keamanan dan keselamatan negara.

Beliau berkata, BBC turut menyokong pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan merangkap Menteri Tugas-tugas Khas dan percaya beliau dapat membantu membebaskan negara daripada belenggu kegawatan ekonomi dalam tempoh singkat.

"Pengalaman luas Tun Daim dalam bidang kewangan pastinya memudahkan Perdana Menteri menyelesaikan masalah ekonomi negara, sekarang," katanya.

Sementara itu, Gerakan Belia 4B Malaysia menganggap pelantikan Abdullah sebagai tepat dan wajar disokong semua pihak.

Presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata Abdullah mempunyai pengalaman luas kerana pernah menerajui dengan cemerlang empat kementerian sebelum ini.

Beliau yang turut terbabit dalam rombakan Kabinet semalam, dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan menggantikan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yakin kewibawaan, kemampuan dan pengalaman luas Abdullah menjadi aset penting untuk membantunya menjawat jawatan baru.

Sambil menyifatkan pelantikan itu sudah dijangka, presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata Abdullah mempunyai latar belakang keluarga beragama serta banyak berjasa kepada Umno.

Suhaimi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Benta, Pahang dan Presiden Yayasan Belia Negara, berkata pelantikan Abdullah menggembirakan lebih 200,000 ahli GPMS kerana beliau pernah menjadi presiden badan itu antara 1962 hingga 1964.

Di KUANTAN: Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata Abdullah boleh menggunakan tempoh memegang jawatan itu bagi mempelajari selok-belok pengurusan negara.

Katanya, beliau yakin dengan kepemimpinan Abdullah yang juga bekas pegawai kerajaan kerana beliau mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran kerajaan dan politik, sama ada pada peringkat dalam atau luar negara.

Beliau berkata, semua pihak perlu memberi sokongan padu serta kerjasama kepada Abdullah dalam usaha memastikan beliau dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan.

Mengulas pelantikan Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), beliau berkata kejayaan itu sesuatu yang membanggakan negeri ini.

Di KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaan negeri menerima siapa sahaja dilantik sebagai TPM.

Menurutnya, apa yang menjadi pertembungan antara kerajaan negeri dengan Pusat selama ini ialah dasarnya dan bukan individu atau pemimpinnya.

Bagaimanapun, beliau berharap pelantikan Abdullah dapat memberi keadilan dan memupuk persaudaraan kerana itu adalah ajaran Islam.

Katanya, dari segi ketokohan Abdullah mungkin mempunyai kriteria sebagaimana dikehendaki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami bagi pihak negeri Kelantan terima siapa saja yang dilantik. Apa yang kami bangkang ialah dasar...individu kami tak bangkang. Siapa sahaja yang dilantik kami harap dapat berurusan terus," katanya.

Mengenai pelantikan Datuk Ibrahim Ali sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berharap kehadiran Ketua Umno bahagian Pasir Mas itu dalam Kabinet dapat merealisasikan janjinya kepada rakyat Kelantan.

Di KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata pelantikan Abdullah bertepatan dan selaras dengan pengalaman pemimpin berkenaan.

Beliau berkata, rombakan Kabinet oleh Perdana Menteri, termasuk pelantikan semula Daim sebagai Menteri Kewangan, membuktikan kesungguhan kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Katanya, Dr Mahathir juga yakin Daim yang memegang jawatan itu sebelum ini mampu menstabilkan semula ekonomi dan ringgit yang terjejas teruk kerana spekulator mata wang.

"Saya yakin dengan barisan pemimpin baru itu tugas kerajaan menangani pelbagai masalah yang dihadapi sebelum ini menjadi lebih mudah," katanya.

Wan Mokhtar juga menyokong keputusan Presiden Umno menangguhkan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk mengelak berlaku pergolakan dalam parti kerana mahu memberi tumpuan sepenuhnya terhadap persiapan menghadapi pilihan raya umum sebelum April tahun 2000.

Di MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata pelantikan Abdullah diharap dapat menarik semula sokongan di kalangan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap kerajaan.

Katanya, pelantikan itu sudah pasti mengambil kira latar belakang pendidikan, pengetahuan agama dan sejarah politik Abdullah.

Katanya, tidak boleh dinafikan Abdullah yang juga berasal dari Pulau Pinang, mempunyai ramai penyokong dan pelantikan itu seolah-olah juga mewakili penduduk Pulau Mutiara itu selepas Anwar dipecat daripada parti dan kerajaan.

Abu Zahar menjelaskan, ketika menjadi Menteri Luar, Abdullah sudah menunjukkan komitmen jitu sehingga Malaysia dihormati, bukan saja di kalangan anggota Asean malah di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata, ketokohan Abdullah sebagai wakil Malaysia dalam membantu menangani pelbagai krisis dunia, begitu menonjol sehingga ada kalanya kejayaan Malaysia dijadikan model pula oleh negara lain.

"Disebabkan kredibilitinya sendiri yang berpendidikan agama, sentiasa tenang dan sabar menghadapi dugaan, Abdullah sememangnya layak memegang jawatan TPM," katanya kepada pemberita di kediaman rasminya di Bukit Peringgit, di sini, semalam.

Menurut Abu Zahar, pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan juga tepat memandangkan Daim pernah menyandang jawatan berkenaan pada 1984.

Di SHAH ALAM: Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, menyifatkan pelantikan Abdullah kena pada tempatnya kerana beliau adalah calon paling sesuai berdasarkan pengalaman luas sebagai birokrat serta bergiat lama dalam Umno.

Beliau berkata, Abdullah yang menjadi Menteri Luar selama lapan tahun mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin antarabangsa ini akan boleh membantu proses memulihkan ekonomi, meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

"Satu lagi kelebihanannya ialah beliau sentiasa bekerjasama dengan pemimpin lain dan saya sokong penuh pelantikan beliau serta akan beri

kerjasama penuh kepadanya," katanya di sini, semalam.

Dalam masa sama, Abu Hassan berkata, beliau percaya semua masyarakat berbilang kaum di negara ini dapat menerima Abdullah sebagai TPM apatah lagi beliau juga adalah pemimpin paling lama menjadi Naib Presiden Umno.

"Saya yakin beliau dapat membantu Perdana Menteri mengukuhkan lagi parti sementara menghadapi cabaran semasa.

Di ALOR STAR: Pelantikan Abdullah kelmarin adalah pilihan tepat berdasarkan pengalaman luas Abdullah dalam Umno dan kerajaan.

Pengalaman luas beliau dilihat daripada kemampuannya berfungsi sebagai seorang daripada ahli Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang bertanggungjawab membentuk masyarakat Malaysia selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid berkata, berdasarkan pengalamannya dalam Mageran, Abdullah mampu memberikan perkhidmatan terbaik bukan setakat kepada Umno, malah negara secara keseluruhannya.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, berkata Abdullah adalah pemimpin disegani dan dipercayai serta mampu menjalankan tugas berat itu.

Dompok yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah berkata, pelantikan Abdullah sebagai Menteri Dalam Negeri juga sesuai kerana kemampuannya yang ditunjukkan sebagai menteri kabinet.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata rakyat negara ini amat beruntung mendapat Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Pelantikan Pak Lah itu tepat kerana beliau seorang pemimpin penuh berpengalaman, berwibawa dan boleh membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi negara," katanya.

(END)